

Kebakaran hutan simpan **berulang**

Dipercayai diceroboh kaki pancing, unggun api yang tak dipadam sempurna jadi punca kejadian

BESTARI JAYA - Kebakaran seluas 120 hektar di Kompartment 100, 101 dan 102 Hutan Simpan Gambut Bestari Jaya, di sini berulang dipercayai diceroboh individu untuk tujuan memancing.

Sinar Harian difahamkan, unggun api yang tidak dipadamkan sempurna oleh pemancing berkemungkinan menjadi punca kebakaran selain faktor cuaca panas.

Kebakaran disedari aktivis Global Environment Centre (GEC) kira-kira jam 6 petang, Ahad lalu sebelum melaporkan kejadian terbabit kepada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Unit Bencana Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Bestari Jaya.

Komander operasi, Kamarul Anuar Isnawan berkata, punca kebakaran setakat ini belum dapat dikenal pasti bagaimanapun meneliti beberapa faktor termasuk cuaca panas.

"Kebakaran dipercayai bermula dari kawasan belukar berhampiran bekas lombong sebelum dipercayai merebak ke kawasan tanah gambut bermula Ahad lalu.

INFO • Kebakaran melibatkan keluasan 120 hektar
• 20,000 anak pokok musnah

"Aktiviti memadamkan kebakaran masih berbaki 10 hektar lagi melibatkan pelbagai agensi termasuk jabatan hutan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), GEC, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan SUK," katanya.

Kamarul Anuar berkata, pihaknya terpaksa menggunakan tiga pam berkuasa tinggi bagi memadamkan api selain menggunakan bom air di kawasan yang sukar.

"Operasi menggunakan teknik direct attack dan ada kawasan yang agak sukar menyebabkan kami menggunakan teknik pembanjiran di beberapa kawasan bagaimanapun keadaan jadi rumit bila beberapa ban pecah.

"Bagi operasi hari ni, kita gunakan direct attack dan teknik pembanjiran bagi memadamkan kawasan yang masih berbaki 10 hektar lagi," katanya.



Sebahagian anggota APM turut membantu dalam operasi itu.

Beliau berkata demikian ketika turut memberi taklimat mengenai kejadian kebakaran di Pusat Kawalan Operasi Hutan Simpan Gambut Bestari Jaya.

Hadir sama Pegawai Daerah Kuala Selangor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor dan Ketua Penolong Setiausaha Unit Bencana Selangor, Ahmad Fairus Mohd Yusof.

Kawasan hutan kering, bertanah gambut

SEMENTARA itu, Ahmad Fairus berkata, Jabatan Hutan menggunakan kaedah direct attack dan water flooding di beberapa kawasan kebakaran yang teruk terjejas boleh dicapai setakat ini.

"Manakala penggunaan bom air kita buat dua kali pusingan untuk semalam saja dan penjagaan pam kuasa tinggi sepanjang operasi, kita ada bantuan JPS untuk sokongan rumah pam.

"Kawalan kawasan kebakaran bersiap sedia dan ada kawasan ban yang pecah akan segera diperbaiki...kemungkinan perancangan esok dijangka kebakaran akan dikawal sepenuhnya.

"Setakat ini kita buat kawalan daripada penceroboh me-

mandangkan kawasan yang terlibat adalah sama seperti kejadian terdahulu dan kali ini sebanyak 20,000 anak pokok musnah," katanya.

Katanya lagi, tindakan kawalan juga dibuat di kawasan seluas 76 hektar yang juga merupakan kawasan laluan individu yang dipercayai sering diceroboh untuk aktiviti memancing.

"Sebab hasil siasatan awal mendapati, pemancing tak padam api dengan betul... kawasan pula kering dan bertanah gambut, jadi jika berlaku kebakaran kesannya cukup besar.

"Kita dapati laluan masuk ke dalam hutan ni cukup banyak dan mungkin tak terpantau sepenuhnya pihak jabatan hutan," katanya dalam sesi taklimat pagi, semalam.



Shamsul Shahril Badliza (tengah) ketika mendengar taklimat mengenai kebakaran di Kompartment 100, 101 dan 102 Hutan Simpan Gambut Bestari Jaya.



Antara kawasan yang berjaya dipadamkan.



Minta pihak berwajib tingkat kawalan

MENGULAS lanjut, Shamsul Shahril Badliza menjelaskan, maklumat awal yang diterima berhubung punca kebakaran itu adalah disebabkan terdapat individu yang menceroboh hutan simpan itu untuk tujuan memancing.

"Mungkin daripada unggun api atau putung rokok yang tidak dipadam sepenuhnya. Perkara yang sama seperti tahun lepas.

"Kawasan hutan simpan adalah kawasan larangan. Saya juga minta agensi kerajaan yang berkenaan iaitu jabatan perhutanan tingkatkan lagi kawalan dan pengawasan kawasan tersebut daripada diceroboh serta menangkap dan mendakwa penceroboh di mahkamah.

"Kerjasama penduduk kampung berhampiran dimohon untuk melaporkan sebarang aktiviti pencerobohan yang berlaku di kawasan hutan.

"Penduduk dan pengusaha ladang sawit berhampiran juga diminta tidak melakukan sebarang pembakaran terbuka dikhuatiri boleh menyebabkan api merebak ke hutan simpan," katanya kepada Sinar Harian.



Penggunaan pam untuk operasi sejak Ahad lalu.